

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Berita Harian (Varsiti)

Hari/Tarikh: 14/7/2016

Muka surat: V3

Tajuk : UNIMAS, Universiti Cornell jalin kerjasama

## UNIMAS, Universiti Cornell jalin kerjasama

**Nota Samaraham:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) muncul universiti pertama di rantaui Borneo menjalankan kerjasama dalam 'Service Learning Programme' dengan Universiti Cornell, New York, melalui pemeterajan memorandum perjanjian (MoA).

Majlis simbolik penyerahan MoA antara kedua-dua universiti itu berlangsung di sini, baru-baru ini, dengan UNIMAS diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Kopli Bujang, manakala Prof Shorna B Allred pula hadir bagi pihak Universiti Cornell.

Prof Kopli berkata, program kendalian Institut Informatik Sosial dan Inovasi Teknologi (ISITI) itu akan mengintegrasikan



perkhidmatan kepada masyarakat ke dalam pembelajaran pelajar UNIMAS serta Universiti Cornell.

**Kepentingan bersama**  
Beliau berkata, pelajar kedua-dua universiti akan terbabit dalam aspek kepentingan

bersama, terutama pertukaran budaya dan akademik.

"Kerjasama ini diharap dapat memberi manfaat kepada masyarakat, universiti dan pelajar," katanya.

Sementara itu, Prof Allred berkata, kerjasama berkenaan membolehkan pelajar menim-

ba lebih banyak pengalaman dalam bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan.

"Seramai lapan pelajar Universiti Cornell sudah dihantar ke sini untuk bersama-sama penuntut UNIMAS mempelajari bidang berkenaan," katanya.

### Kerjasama UNIMAS - Universiti Cornell

**Prof Kopli (tiga dari kanan)** bertukar dokumen dengan Prof Allred pada majlis simbolik penyerahan MoA.

→ ISITI menerima kedatangan kohort pertama pelajar Universiti Cornell, awal Januari lalu, untuk membantu di tapak penyelidikan seperti Bario dan Long Lamai

→ Pelajar Universiti Cornell (lapan) dan UNIMAS (tiga) terbabit bersama dalam pelbagai aktiviti, termasuk pemuliharaan budaya, alam sekitar serta ekopelancongan, di dua kawasan itu

→ Apabila tamat pembelajaran di tapak penyelidikan, pelajar akan berkongsi pengalaman dan pandangan melalui sesi refleksi

→ Perkongsian itu berpotensi membantu dalam isu pembangunan mampan